

PERATURAN PERMAINAN PING PONG**1 PERATURAN TEKNIKAL**

1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Akan dijalankan mengikut Undang- Undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF) dan terjemahan Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM).

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2024.

2 PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan akan dijalankan secara individu iaitu :

- 2.1.1 Perseorangan Lelaki
- 2.1.2 Perseorangan Wanita
- 2.1.3 Beregu Lelaki
- 2.1.4 Beregu Wanita
- 2.1.5 Beregu Campuran

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Setiap IPT dibenarkan mendaftar maksima dua (2) penyertaan bagi setiap acara.

2.2.2 Seorang pemain hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam salah satu acara sahaja.

2.2.3 Bilangan Pemain adalah seperti berikut :

BILNGAN PEMAIN	LELAKI	WANITA	PEGAWAI
Maksima	8	8	4

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Semua acara akan dijalankan secara liga kumpulan dan Johan & Naib Johan kumpulan akan layak ke pusingan kalah mati.

2.3.2 Perlawanan akan dijalankan secara lima (5) pemain terbaik dari lima (5) permainan (best of 5 games) dengan kiraan mata sebelas (11) bagi setiap set mengikut ketentuan berikut :

2.3.2.1 Setiap individu yang mendapat keputusan 3-0

2.3.2.2 Setiap individu yang mendapat keputusan 3-1

2.3.2.3 Setiap individu yang mendapat keputusan 3-2

2.4 Penentuan Kemenangan**2.4.1 Peringkat Liga Kumpulan**

2.4.1.1 Pemain yang mendapat kemenangan bagi setiap perlawanan (Perkara 2.3.2) akan diberikan dua (2) mata dan pemain yang kalah akan mendapat kosong (0) mata

2.4.1.2 Jika dua (2) pemain mendapat mata yang sama, Keputusan perlawanan akan mentukan pemenang (head-to-head)

2.4.1.3 Jika dua (2) atau lebih pemain mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut :

2.4.1.3.1 Purata Perlawanan akan menentukan kemenangan (Jumlah Perlawanan menang bahagi Jumlah perlawanan kalah)

2.4.1.3.2 Sekiranya sama, Purata Permainan/Set (Jumlah set menang bahagi jumlah set kalah)

2.4.1.3.3 Sekiranya sama, Purata mata permainan/set (Jumlah mata menang bahagi jumlah mata kalah)

2.4.2 Peringkat Kalah mati

2.4.2.1 Pemain yang mendapat keputusan 3 set akan dikira sebagai pemenang mengikut ketentuan berikut :-

2.4.2.1.1 Pemain yang mendapat keputusan 3-0

2.4.2.1.2 Pemain yang mendapat keputusan 3-1

2.4.2.1.3 Pemain yang mendapat keputusan 3-2

2.5 **KELEWATAN**

- 2.5.1 Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma kepada pasukan yang berada di gelanggang dengan 3 mata dan keputusan 3-0.
- 2.5.2 Setiap pemain **wajib menghantar raket ping pong 15 minit** awal dari masa yang dijadualkan ke stesen kawalan raket (*racquet control*) bagi tujuan pemeriksaan oleh pengadil.

2.6 **PERALATAN DAN PAKAIAN PERTANDINGAN**

- 2.6.1 Hanya getah yang disenaraikan dalam '**List Autorised Racket Covering**' terkini sahaja yang dibenarkan.
- 2.6.2 Tidak dibenarkan menggunakan getah yang telah diubah suai.
- 2.6.3 **Ketua Pengadil (Referee)** akan membuat keputusan sekiranya ada masalah berkenaan getah yang diubah suai dan keputusan adalah **MUKTAMAD**.
- 2.6.4 Bola plastic bersaiz 40+ mm berwarna putih akan digunakan bagi kejohanan ini.
- 2.6.5 Setiap pemain perlu memakai pakaian yang tertulis nama pasukan di bahagian belakang baju.
- 2.6.6 Bagi acara beregu, pemakaian baju adalah sama dari segi corak dan warna.

- 2.6.7 Pemain **dilarang** memakai baju yang sama dengan warna bola
- 2.6.8 Pemenang perlu berpakaian nama pasukan dan berkasut semasa majlis penyampaian hadiah.

3. MENARIK DIRI DAN MEYERAH KALAH

- 3.1 Setiap pemain perlu menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan kecederaan daripada pegawai perubatan yang disediakan oleh pihak pengajur.
- 3.2 Pemain yang sengaja memberikan kemenangan kepada pihak lawan akan dibatalkan penyertaan dan semua keputusan perlawanan tidak akan dikira.

4 HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT 2024.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Perseorangan Lelaki	1	1	1	1	1	1
Perseorangan Wanita	1	1	1	1	1	1
Beregu Lelaki	1	2	1	2	1	2
Beregu Wanita	1	2	1	2	1	2
Beregu Campuran	1	2	1	2	1	2
JUMLAH	5	8	5	8	5	8